



KENYATAAN MEDIA MENTERI EKONOMI

13 Julai 2023

CADANGAN DASAR GAJI PROGRESIF DAN PENSTRUKTURAN EKONOMI NEGARA

Merujuk kepada kenyataan *Malaysian Employers Federation* (MEF) mengenai fungsi Kementerian Ekonomi dalam dasar gaji, Kementerian Ekonomi bertanggungjawab menguruskan perancangan ekonomi negara secara menyeluruh.

Gaji yang tidak setara dengan kos sara hidup adalah isu pokok yang menjadi penghalang kepada peralihan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah adalah salah satu punca yang mengakibatkan gaji yang tidak seimbang dengan nilai hasil pekerja di dalam ekonomi.

Nisbah gaji pekerja (*Compensation of Employees, CE*) Malaysia kepada Keluaran Dalam Negara Kasar bagi tahun 2019 adalah 35.9%, jauh lebih rendah daripada negara-negara maju lain seperti Jerman (59.4%), United Kingdom (55.5%), Australia (46.9%) dan Republik Korea (46.8%). Kadar gaji penengah benar (*real median wages*) dan gaji kemasukan baru (*entry level wages*), telah merosot selepas pandemik dan kekal lebih rendah berbanding tahap sebelum pandemik.

Mandat Kementerian Ekonomi adalah untuk menyelesaikan isu-isu struktur ekonomi yang boleh memperlahankan pertumbuhan ekonomi negara seperti ini.. Pertumbuhan gaji merupakan antara fokus utama reformasi struktur untuk mencapai sasaran CE negara, seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Kementerian Ekonomi sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk merangka beberapa pilihan dasar untuk dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan membincangkan strategi terbaik ke hadapan untuk meningkatkan gaji rakyat. Butiran dan mekanisme dasar akhir akan diputuskan berdasarkan pertimbangan menyeluruh, termasuk kemampuan dan kesan kos kepada sektor swasta, pelaksanaan secara berperingkat (*sequencing of implementation*), dan persetujuan bersama tiga pihak (*tripartite agreement*) antara kerajaan, majikan, dan pekerja.

Sesi libat urus dengan pemegang taruh utama iaitu kerajaan, majikan, dan pekerja juga akan diadakan untuk mendapatkan pandangan semua pihak.

Sementara usaha-usaha memperbaiki struktur ekonomi yang lain diteruskan, Kementerian Ekonomi akan memberi penekanan kepada aspek kenaikan gaji pekerja yang adil kepada semua pihak.

RAFIZI RAMLI
13 JULAI 2023